

# 50,601 kes denggi sejak Januari

➔ Selangor terus jadi penyumbang tertinggi jangkitan

**Oleh Suhaila Shahrul Annuar**

suhaila.shahrul@bh.com.my

■ Putrajaya

**S**ejumlah 50,601 kes denggi direkodkan di seluruh negara sejak Januari hingga kelmarin.

Berdasarkan data dikeluarkan Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) Kementerian Kesihatan, bagi tempoh itu, Selangor terus menjadi penyumbang kes denggi tertinggi iaitu 27,165 kes.

Ia diikuti Johor dengan 6,857 kes, Kuala Lumpur (3,480), Perak (1,945), Pulau Pinang (1,765), Terengganu (1,519), Negeri Sembilan (1,359), Sabah (1,296) dan Pahang (1,231).

Selain itu, jumlah kumulatif kematian akibat denggi dari Januari sehingga 21 Mei lalu adalah sebanyak

109 kematian berbanding 136 kematian bagi tempoh sama tahun 2015, iaitu pengurangan sebanyak 19.9 peratus atau 27 kematian.

## **Cuaca tak menentu**

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata musim hujan yang diselang-seli dengan keadaan cuaca panas akan meningkatkan lagi risiko penularan demam denggi akibat pengumpulan air pada bekas yang sesuai untuk

membiakan nyamuk aedes.

Justeru, beliau menyeru orang ramai supaya memastikan kediaman serta kawasan persekitaran masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes dengan meluangkan hanya 10 minit setiap minggu, untuk aktiviti cari dan musnah.

Selain itu, katanya bahan pembunuh jentik-jentik hendaklah digunakan terutama bagi bekas yang menampung air.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai supaya mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital sekiranya mempunyai gejala dan tanda demam denggi untuk mencegah komplikasi akibat penyakit berkenaan.



Orang ramai dinasihat supaya mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital sekiranya mempunyai gejala dan tanda demam denggi”

**Kementerian Kesihatan**